

# Malaysia beli vaksin tiada unsur babi atau haiwan

Berita Harian (30/01/2021) M/S 09

Penggunaan dijelaskan dalam keputusan fatwa muzakarah kebangsaan

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
illahhafiz.abdula-  
ziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Vaksin COVID-19 yang dipilih untuk digunakan di Malaysia, tidak mengandungi sel haiwan termasuk babi.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Ahmad Amzad Hashim, berkata kebanyakan vaksin yang wujud di dunia ketika ini juga tidak mempunyai unsur haiwan terbabit.

Beliau berkata, penggunaan vaksin di negara ini dijelaskan dalam keputusan fatwa muzakarah kebangsaan yang disebarkan kepada Yang di-Pertuan Agong dan ia juga selari dengan fatwa serupa di seluruh dunia.

“Vaksin-vaksin yang menjadi pilihan Malaysia adalah dalam kelompok yang paling tinggi kadar keberkesanan dan paling banyak dipercayai di seluruh dunia berdasarkan lebih 80 juta dos yang sudah disuntik kepada penduduk di lebih 57 negara seluruh dunia.

“Setiap hari lebih 3.6 juta dos disuntik di merata tempat. Cuma ada peratus kecil laporan kes terencil yang akhirnya ternyata



Vaksin yang digunakan di negara ini tiada sel haiwan.

(Foto hiasan)

tiada kaitan langsung dengan kesan vaksin.

“Namun, kerana laporan yang mengelirukan, masyarakat jadi was was dan takut,” katanya menerusi kenyataan di Facebook semalam.

Susulan itu, Ahmad Amzad meminta media supaya berhati-hati dalam pemilihan tajuk berita khususnya berkaitan COVID-19 dan vaksin.

“Jangan kerana mahu tarik perhatian pembaca, guna perkataan yang mengelirukan dan menakutkan rakyat dan menggugat usaha kerajaan menangani penularan Covid19. Sebagai contoh berita daripada China mengenai

**Jangan kerana mahu tarik perhatian pembaca, guna perkataan yang mengelirukan dan menakutkan rakyat dan menggugat usaha kerajaan menangani penularan Covid19.**

Ahmad Amzad Hashim,  
Timbalan Menteri Sains,  
Teknologi dan Inovasi

kaedah calitan dari dubur.

“Tajuk dibaca secara sekali imbas terus jadi viral dan ramai yang buat andaian kononnya kaedah itu di Malaysia sedangkan berita asal menyatakan China tidak bercadang menjadikan ia kaedah piawai. Pakar Malaysia juga menegaskan kaedah diguna pakai sekarang paling sesuai dan berkesan,” katanya.

Beliau juga berkata, tajuk mengenai vaksin juga banyak mengelirukan, contohnya mengenai ulama tersohor Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang menjelaskan hukum vaksin yang mengandungi bahan najis seperti babi